

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jenis pemindahan teknologi, pengetahuan kemahiran dan latihan pekerja dalam kerjasama antara Proton dan Geely sejak tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. DRB-HICOM dan Geely telah memeterai Penjanjian Pemegang Saham dalam PROTON pada September 2017. Gabungan tersebut adalah bagi menjayakan pelan pemulihan dalam memacu prestasi jualan dan pengeluaran PROTON diperingkat domestik dan antarabangsa. Melalui kerjasama ini juga, PROTON akan berpeluang menikmati pelbagai faedah seperti akses kepada pasaran sedia ada Geely di luar China dan Malaysia, memiliki akses kepada model, platform penyelidikan dan teknologi Geely serta peluang peningkatan kemahiran tenaga kerja PROTON di pusat-pusat penyelidikan dan pembuatan Geely di luar negara.

2. Susulan daripada itu, beberapa program pemulihan prestasi PROTON telah dilaksanakan bagi memastikan PROTON terus menjadi entiti perniagaan yang mampan dan berdaya saing di arena automotif seperti berikut:

- i. Pembangunan model PROTON X70 dan PROTON X50 melibatkan aktiviti teknikal seperti kejuruteraan-semula bagi memenuhi piawaian di Malaysia dan pengenalan teknologi baharu seperti Enjin *Turbocharged Gasoline Direct Injection* (TGDI), *Intelligent Connectivity with Voice Command*, sistem *Autonomous Level-1 (foot off)* dan *Level-2 (foot off and hands off)*, serta sistem keselamatan pasif, aktif dan kognitif;
- ii. Penyediaan kapasiti pengilangan enjin dan kenderaan yang dapat meningkatkan prestasi di kilang PROTON Tanjung Malim, terutamanya selepas aktiviti pengeluaran model Proton X70 bermula pada Disember 2019 dan Proton X50 pada September 2020;

SOALAN NO : 14

- iii. Program latihan pekerja bagi aktiviti yang melibatkan proses pengeluaran model baharu, terutamanya yang membabitkan pemasangan komponen berteknologi baharu; dan
- iv. Program '*match-making*' di antara pembekal tempatan Malaysia dengan syarikat pengeluar komponen dari China yang turut diselia oleh PROTON. Aktiviti ini melibatkan beberapa pengenalan teknologi baharu seperti *Intelligent Head Unit (IHU)*, *Slush-moulded Instrument Panel*, *NAPPA leather trim*.

3. Selain itu, PROTON sedang membuat kajian bagi melaksanakan semula beberapa program yang tertangguh disebabkan pandemik COVID-19 termasuk program pembangunan kenderaan elektrik.

4. Susulan program pemulihan ini, PROTON telah berjaya meningkatkan penguasaan pasaran domestik industri automotif daripada 10.8% (2018) kepada 16.6% (2019) dan 20.7% (2020) dengan jumlah bilangan kenderaan jualan meningkat daripada 64,744 unit (2018) kepada 100,497 (2019) dan 109,716 unit (2020). Bagi tahun ini sehingga September 2021, PROTON telah berjaya menguasai pasaran domestik sebanyak 22.9% dengan jumlah kenderaan jualan sebanyak 73,017 unit. Dari segi eksport pula, PROTON telah berjaya meningkatkan eksport iaitu 1,388 unit pada 2018, 911 unit bagi 2019 dan 1,508 untuk tahun 2020 berbanding eksport pada tahun 2017 berjumlah 230 unit sahaja. Kerjasama strategik DRB-HICOM dan Geely melalui program pemulihan telah menunjukkan peningkatan keupayaan PROTON dalam sektor automotif negara.

Sekian, terima kasih.